

LAMPIRAN A

AKTA FI 1951

PEREMITAN FI DI BAWAH PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014

1. Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 15 Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 ("Perintah tersebut"), Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan memberi peremitan fi perubatan kepada orang asing seperti yang berikut:
 - a) meremitkan keseluruhan fi perubatan (wad kelas tiga (3) dan pesakit luar) kepada mangsa-mangsa kemalangan (yang ditimpa bencana alam) dan mangsa-mangsa penganiayaan seperti mangsa rogol, cabul kehormatan, deraan dan sebagainya yang dirujuk oleh pihak polis ke mana-mana hospital Kerajaan atau ke mana-mana kemudahan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pemeriksaan kesihatan atau rawatan. Remitan tersebut tidak terpakai kepada pesakit-pesakit yang mengalami kecederaan akibat punca sendiri (*self-inflicted*) seperti bunuh diri, minum racun, mabuk dan pengguguran;
 - b) meremitkan keseluruhan fi perubatan (wad kelas tiga (3) dan pesakit luar) kepada orang yang diperdagangkan dan migran yang diseludup di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] yang dirujuk oleh mana-mana pegawai penguat kuasa atau pegawai pelindung di bawah Akta 670 ke mana-mana hospital Kerajaan atau ke mana-mana kemudahan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pemeriksaan kesihatan atau rawatan;
 - c) meremitkan keseluruhan fi perubatan (wad kelas tiga (3) dan pesakit luar) kepada pesakit di dalam pusat tahanan / pusat perlindungan / pusat pemulihan / pusat jagaan Kerajaan atau pesakit yang dibawa oleh pihak berkuasa Kerajaan ke mana-mana hospital Kerajaan atau ke mana-mana

- kemudahan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pemeriksaan kesihatan atau rawatan;
- d) meremitkan keseluruhan fi kepada orang asing bagi penggunaan ambulans bagi tujuan kecemasan semasa berlakunya kemalangan;
 - e) meremitkan fi pesakit luar, fi makmal fi siasatan bagi kontak warga asing yang dirujuk oleh pegawai diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta (342)] ke klinik kesihatan atau hospital Kerajaan untuk pemeriksaan dan saringan;
 - f) meremitkan fi makmal bagi orang asing yang sampel kliniknya diambil untuk ujian makmal di bawah Program Survelan Penyakit dan Berkepentingan yang diuruskan Jabatan Kesihatan Awam seperti surveyan enterovirus dan influenza; dan
 - g) meremitkan keseluruhan fi perubatan (wad kelas tiga (3) dan pesakit luar) kepada orang asing yang menghidap penyakit berjangkit yang dirujuk oleh pegawai diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta (342)] atau pengamal perubatan yang berkhidmat di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Bagi tujuan peremitan ini

- (a) "penyakit berjangkit" ertinya demam kuning (*yellow fever*), ebola, kolera, malaria, plague, tifoid, tuberkulosis (*first line drugs sahaja*) dan avian influenza; dan
- (b) "kontak warga asing" ertinya mana-mana orang asing yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dihinggapi sesuatu penyakit berjangkit termasuk mana-mana orang asing yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan.

3. Dengan berkuat kuasanya peremitan fi ini, peremitan fi di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 yang dibuat oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 27 September 2016 [No. Rujukan: (39) dlm.KKM-58/900/92 Jld.5] adalah dimansuhkan.

Dibuat pada: 22 Mac 2017

[No. Rujukan: (1) dlm.KKM.400-8/1/89 Jld.2]



DATO SERI DR. CHEN CHAW MIN
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia